

Empat kes berprofil tinggi dibicarakan bermula hari ini

BERITA HARIAN

19 MAY 2025

mj.13

Rayuan Siti Bainun, bela diri Aliff Syukri antara jadi tumpuan

Oleh **Essa Abu Yamin**
essabuyamin@bh.com.my

Kuala Lumpur: Empat kes berprofil tinggi memabitkan individu terkenal negara akan dibicarakan di mahkamah bermula hari ini.

Di Mahkamah Rayuan Putra-jaya, rayuan akhir pengasas Rumah Bonda, Siti Bainun Ahd Razali dijadualkan didengar hari ini berhubung hukuman penjara 12 tahun dikenakan terhadapnya kerana mengabai dan menganiaya remaja perempuan sindrom down dikenali sebagai Bella.

Rayuan Siti Bainun, 32, itu bagi mengetepikan sabitan dan hukuman penjara yang dikekalkan Mahkamah Tinggi, dijadual di-

dingar di hadapan panel tiga hakim Mahkamah Rayuan.

Beliau sebelum ini dijatuhi hukuman penjara 12 tahun oleh Mahkamah Tinggi atas dua pertuduhan mengabai dan menganiaya Bella, 13, tiga tahun lalu.

Pada 2 Mei 2024, Mahkamah Tinggi menolak rayuan Siti Bainun untuk mengetepikan sabitan dan hukuman itu dan dia merayu keputusan itu di Mahkamah Rayuan.

Aliff Syukri beri keterangan

Di Mahkamah Sesyen Sepang, usahawan kosmetik, Datuk Seri Aliff Syukri Kamarzaman, hari ini dijadual memberi keterangan bela diri terhadap empat pertu-

duhan memuat naik kandungan video suzang.

Keterangan bela diri usahawan itu dijadual didengar di hadapan Hakim Ahmad Fuad Othman selama empat hari bermula hari ini, 22 Mei, 16 Jun dan 3 Julai depan.

Terdahulu, mahkamah memrintahkan Aliff Syukri, 38, membela diri selepas berpuas hati pihak pendakwaan berjaya menimbulkan prima facie terhadap kes berkenaan.

Mahkamah ketika itu berpuas hati, video yang dimuat naik itu adalah tidak sopan ketika Ramadan, yang mana bulan umat Islam berpuasa dan harus dihormati.


Selain itu, di Mahkamah Ting-

gi Kuala Lumpur, prosiding komital terhadap bekas Ahli Majlis Kerja Tertinggi (MKT) UMNO, Isham Jalil, akan diteruskan pada Rabu ini.

Peguam Negara memohon supaya Isham dikenakan hukuman penjara atau denda atas dakwaan menghina mahkamah berhubung kenyataan mengenai kes 1MDB memabitkan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Sementara itu, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur juga akan mendengar prosiding komital terhadap bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, yang difailkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Prosiding itu berkaitan dakwaan penghinaan mahkamah dalam kes saman fitnah memabitkan isu 'Kutty'.



Siti Bainun

Aliff Syukri

Isham

Mahathir